



**PENGUASAAN PERIBAHASA MELAYU DALAM KALANGAN
PELAJAR CINA**

ROS HASLINDA HAYATI BT MOHD MOHYI



**DISERTASI YANG DIKEMUKAKAN INI UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH
SARJANA PENDIDIKAN BAHASA MELAYU**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**


2010





PENGAKUAN

Saya mengaku kertas projek ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.



10 OKTOBER 2010

ROS HASLINDA HAYATI BT MOHD MOHYI

M20082000308





PENGHARGAAN

Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpahan rahmat dan kasih sayangNya dapat juga kertas projek ini disempurnakan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Dr. Abu Hassan bin Abdul selaku penasihat akademik dan juga penyelia utama kertas projek ini yang telah menyediakan ruang masa untuk membantu saya serta memberi bimbingan, tunjuk ajar, nasihat dan dorongan yang amat besar ertinya kepada saya dalam usaha menyempurnakan kertas projek ini. Komitmen, kesungguhan dan kesabaran yang beliau tunjukkan amat saya kagumi.

Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Institut Pengajian Siswazah dan barisan tenaga pengajar Universiti Pendidikan Sultan Idris, khususnya para pensyarah di Fakulti Bahasa dan Komunikasi.

Saya juga berterima kasih kepada barisan pentadbir, rakan-rakan guru dan anak-anak didik Sekolah Menengah Kebangsaan Ayer Tawar, Ayer Tawar, Perak yang begitu memahami dan sentiasa memberi kerjasama dan galakan kepada saya dalam menuntut ilmu dan menyiapkan kertas projek ini. Rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu demi menjulang cita-cita kita bersama juga diucapkan terima kasih.

Akhirnya, buat suami serta putera-putera yang tersayang merupakan anugerah teristimewa daripada Ilahi, Encik Mohamad Razali bin Osman, Abdul Qayyum dan Abdul Muiz yang telah banyak berkorban masa dan sentiasa mendoakan kejayaan saya. Terima kasih kerana menyokong perjuangan yang murni ini.

Sesungguhnya, semua ini adalah ketentuan Ilahi yang maha bijak merencanakan perjalanan hidup hambaNya. Oleh sebab itu, segala kekurangan dan kelemahan datangnya daripada diri saya sendiri kerana segala kesempurnaan itu milik Allah S.W.T. Semoga Allah membalas segala budi baik dan keikhlasan kita.

Sekian, terima kasih.





ABSTRAK

Kajian ini diusahakan untuk mengkaji tentang penguasaan peribahasa bahasa Melayu dalam kalangan pelajar bukan Melayu. Kajian ini dibuat dengan memfokuskan peribahasa yang terkandung dalam buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 4, Novel Perlumbaan Kedua dan Antologi Anak Laut. Kajian ini menggunakan kaedah perpustakaan dengan berdasarkan komponen peribahasa iaitu simpulan bahasa, perumpamaan, kiasan, bidalan dan pepatah. Kajian ini bertujuan mengkaji permasalahan yang dihadapi pelajar bukan Melayu untuk menguasai peribahasa bahasa Melayu dalam situasi formal sama ada untuk menjawab soalan, menulis karangan dan aktiviti lisan begitu juga dalam perbualan harian. Bagi menjalankan kajian ini, beberapa set ujian disediakan menggunakan soalan peribahasa mengikut item soalan Bahasa Melayu Kertas 2 SPM: Kemahiran Tatabahasa (Soalan 3e). Penguasaan peribahasa dalam kalangan pelajar juga diharapkan dapat membantu mereka mengamalkan nilai-nilai murni yang terkandung di sebalik maksud peribahasa tersebut sebagai teguran, dorongan mahupun nilai-nilai kesantunan serta berasa bangga menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara.





ABSTRACTS

This research has been carried out to gauge the mastery of Chinese student's in the area of proverbs in Bahasa Melayu. This research is focused towards the content of the form four text book, novel of Perlumbaan Kedua and Antology of Anak Laut. The library method is applied reference to the proverbial components namely, idioms, similies, phrasal verbs and sayings. The objective of this research is to determine the problems encountered by Chinese students in formal situations as with responding to questions, essay writing and oral activities pertaining to daily conversations. A number of test sets with proverbial questions have come into use for this research in line with question from the Bahasa Melayu Paper 2 of SPM: Gramatical skills (Question 3e). The mastery of Malay proverbs among students is expected to assist them practice good qualities contained in the indirect meanings of these advice and encouragements weaved with elements of grace, besides glorifying Bahasa Melayu as the official language of our country.



KANDUNGAN

BAB 1 PENDAHULUAN

Muka surat

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.3	Konsep Peribahasa	4
1.4	Permasalahan Kajian	13
1.5	Objektif Kajian	15
1.6	Soalan Kajian	16
1.7	Kepentingan Kajian	16
1.8	Batasan Kajian	18
1.9	Kesimpulan	19

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	20
2.2	Kajian dan Penulisan yang Berkaitan	22
2.3	Teori Bahasa yang Berkaitan dengan Kajian	31
2.4	Rumusan	35

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.0	Pengenalan	38
3.1	Sampel Kajian	39
3.3	Kaedah Pengumpulan Data	39
3.4	Kaedah Penganalisaan Data	41
3.5	Kesimpulan	42



BAB 4 ANALISIS DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	43
4.2	Dapatan Kajian	43

BAB 5 PENUTUP

5.0	Pengenalan	65
5.1	Perbincangan Dapatan Kajian	66
5.2	Cadangan	74
5.3	Kesimpulan	75

Bibliografi

Senarai jadual

Senarai graf

Senarai singkatan

Senarai lampiran





BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan



Bahasa Melayu telah diwartakan sebagai bahasa kebangsaan sejak tahun 1957 dan telah termaktub dalam Perkara 152 Perlembagaan Malaysia. Sejak itu bahasa Melayu telah dijadikan bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan. Tujuannya ialah untuk melahirkan masyarakat yang bersatu padu daripada sistem persekolahan yang berbahasa pengantar bahasa Melayu. Namun, kurangnya pengetahuan tentang budaya Melayu menyebabkan pelajar bukan Melayu yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua mempunyai sikap yang negatif terhadap bahasa dan budaya Melayu.

Oleh hal yang demikian, penekanan terhadap aspek budaya Melayu dalam pendidikan bahasa Melayu akan mengikis atau mengurangkan salah faham antara kaum. Para pelajar perlu bersikap rasional dan menerima bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan wahana perpaduan. Kesedaran pelajar terhadap kepentingan penguasaan bahasa Melayu dapat membentuk jati diri mereka sebagai rakyat Malaysia yang menerima dan mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara ini.





1.2 Latar belakang kajian

Peribahasa merupakan sebahagian daripada kemahiran bahasa yang menarik untuk dikaji. Tidak ramai yang menyedari peribahasa Melayu memainkan peranan penting dalam komunikasi secara formal atau tidak formal. Hal ini demikian kerana sejak akhir-akhir ini, anggota masyarakat kita sudah jarang-jarang menggunakan peribahasa secara formal atau tidak formal.

Samat Buang (2006) menjelaskan peribahasa juga merupakan satu daripada unsur kekayaan sesuatu bahasa dan bangsa kerana ungkapan yang terdapat dalam peribahasa mempunyai makna yang tersirat dan cukup mendalam lagi persis untuk tujuan kelancaran komunikasi lisan dan tulisan. Peribahasa ialah ayat atau kumpulan kata yang tetap susunannya dan mempunyai maksud yang tertentu.

Dari segi pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu, peribahasa merupakan komponen dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu untuk peringkat sekolah menengah. Komponen peribahasa dalam sukatan pelajaran ini terdiri daripada simpulan bahasa, perumpamaan, pepatah, bidalan, perbilangan dan kata hikmat yang perlu diajarkan dalam pendidikan Bahasa Melayu. Para pelajar tingkatan 4 juga didedahkan dengan pelbagai peribahasa dalam novel satira, Perlumbaan Kedua karya Marwilis Hj. Yusuf. Terdapat tiga puluh enam peribahasa meliputi perumpamaan, simpulan bahasa, bidalan dan pepatah, tidak termasuk jumlah kekerapannya (Chai Loon Guan, 2003).

Berdasarkan novel tersebut, jelas menunjukkan bahawa pengarangnya cukup prihatin dalam usaha memperkasakan penggunaan peribahasa Melayu. Makna peribahasa dan mesej yang hendak disampaikan digabungkan secara kreatif bagi





mendidik pembaca dan mengetengahkan nilai-nilai yang baik dan buruk dalam masyarakat. Secara tidak langsung, hal ini dapat meningkatkan penggunaan bahasa pelajar serta menghargai hasil pemikiran nenek moyang kita yang suka berkias dalam menyampaikan sesuatu, terutama yang kurang elok didengar

Usaha untuk memartabatkan kembali kedudukan dan penggunaan peribahasa Melayu dalam format pentaksiran yang baharu, khusus bagi Kertas Bahasa Melayu 2 di peringkat SPM memang patut dibanggakan. Menyedari kepentingan ini, peribahasa Melayu turut disoal dalam soalan 3 (e) yang menghendaki pelajar menjawab soalan yang berkaitan dengan peribahasa.

Pelbagai bentuk soalan boleh dikemukakan bagi menguji pengetahuan pelajar terhadap peribahasa bahasa Melayu. Antara bentuk soalan yang boleh dikemukakan termasuk menyatakan peribahasa berdasarkan ayat, menyatakan peribahasa berdasarkan petikan yang diberikan, membina ayat menggunakan peribahasa dan lain-lain lagi. Memang tidak dapat dinafikan bahawa setakat ini tidak ada garis panduan atau senarai lengkap peribahasa yang bakal diuji dalam peperiksaan SPM. Hal ini demikian kerana dalam khazanah bahasa Melayu terdapat banyak koleksi peribahasa yang dibukukan.

Namun begitu, sebagai asas pengajaran dan pembelajaran aspek peribahasa, sebahagian daripada peribahasa tersebut terdapat dalam buku teks yang digunakan pada peringkat sekolah menengah di seluruh negara. Soalan-soalan yang menguji aspek peribahasa secara tidak langsung merupakan satu kesinambungan daripada usaha untuk mengajarkan peribahasa pada peringkat Penilaian Menengah Rendah dan Sijil Pelajaran Malaysia. Kajian ini turut memberi perhatian kepada siri Latihan Kemahiran Minda (LKM) berkaitan peribahasa Melayu yang mirip item-item soalan SPM. Responen akan





menjawab siri LKM tersebut untuk mendapatkan markah. Penilaian akan dibuat berdasarkan dapatan tersebut untuk melihat sejauh mana penguasaan pelajar BC terhadap peribahasa.

1.3 Konsep peribahasa

Setiap bangsa mempunyai peribahasa yang menggambarkan peradaban bangsa. Awang Sariyan (1991) menjelaskan bahawa kalau tamadun Cina memiliki kata hikmat Analek sebagai hasil pemikiran dan renungan Kung FuTze, tamadun Yunani terkenal dengan



ungkapan falsafah Sokrates, Plato dan Aristotle, maka tamadun Melayu dapat

dibanggakan dengan ungkapan falsafah dan kata hikmat yang dipadatkan dalam bentuk peribahasa. Keunikan falsafah Melayu yang membezakan daripada ungkapan falsafah tamadun lain ialah tiadanya nama individu yang tertentu dipertalikan dengan proses penciptaannya.

Hal ini bukan sahaja membayangkan kerendahan hati para pemikir dan pujangga Melayu, malahan membuktikan bahawa segala pengajaran yang tersirat di sebalik peribahasa itu menjadi milik dan amalan bersama seluruh masyarakat. Peribahasa juga mempunyai ciri-ciri yang unik telah mula diabaikan oleh golongan muda masa kini kerana mereka sendiri tidak mengetahui betapa indah dan rapi kata-kata yang disusun untuk menyatakan hasrat tanpa menyentuh perasaan orang yang diajak berbicara.

Alias Mohammad Yatim (1998) mendefinisikan peribahasa sebagai salah satu cabang sastera lama. Sehingga saat ini, tidak ada tokoh sastera mahupun tokoh sejarah yang menyatakan dengan tepat kewujudan peribahasa. Kebanyakan mereka





merumuskan bahawa peribahasa wujud bersama wujudnya bahasa dan peradaban manusia. Lim Kim Hui (1998) menjelaskan pada peringkat awal, peribahasa sekadar suatu ungkapan berbentuk lisan, kalimatnya tersusun dan sedap didengar tetapi tidak terdapat usaha pengumpulan dan penerbitannya dalam bentuk buku yang dilakukan sehingga abad ke-18.

Peribahasa merupakan khazanah bangsa Melayu yang tetap terpelihara dari dahulu sehingga kini dan terus digunakan oleh semua lapisan masyarakat secara formal atau tidak formal. Peribahasa dicipta oleh masyarakat berdasarkan peristiwa harian, perubahan alam semulajadi dan sebagainya. Para cendekiawan telah memberi pelbagai tafsiran tersendiri tentang konsep peribahasa mengikut pengamatan dan kajian masing-



masing.



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Abdullah Hussain (1989:vii) menjelaskan peribahasa berasal daripada tiga sumber. Sumber pertama ialah rakyat jelata yang mencipta peribahasa melalui pengalaman hidupnya, sumber kedua ialah orang arif bijaksana, yang mengeluarkan ungkapan kata hasil daripada renungannya, dan sumber ketiga ialah kitab suci.

Demikianlah peribahasa itu telah diperturunkan dari satu generasi ke satu generasi, dikumpulkan dan disimpan dan akhirnya dinukilkan oleh penulis-penulis dalam tulisannya selain yang dipercakapkan sehari-hari. Orang arif bijaksana ialah orang yang tahu dikias dengan banding, tahu dilahir dengan batin, tahu akan apa yang tersurat dan apa yang tersirat. Malah mereka lebih dulu dapat menangkap tujuan seseorang itu sebelum diucapkannya. Mereka suka melihat sesuatu itu dengan mata hati yang kritis untuk mencari cara yang baik agar dapat dijadikan pegangan dalam hidup orang banyak supaya kehidupan mereka selamat dan sempurna. Beliau juga





menyatakan bahawa peribahasa merupakan satu cabang sastera lama yang tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas. Hampir setiap bangsa mempunyai bentuk-bentuk peribahasanya sendiri dan peribahasa sesuatu bangsa itu mencerminkan watak bangsa tersebut.

Abd. Samad Idris (1989:ix) menyatakan peribahasa berupa kata-kata hikmat yang mengungkapkan nilai-nilai falsafah yang mendalam, memperlihatkan bangsa Melayu adalah satu bangsa yang bertamadun dan bermaruah sejak berkurun-kurun yang lalu. Peribahasa Melayu juga merupakan cabang sastera Melayu di samping menjadi sebahagian daripada budaya Melayu lama yang masih hidup terus sehingga ke hari ini, sejak dicipta dan dipakai oleh nenek moyang kita turun temurun. Sebagai warisan Melayu lama yang tidak lapuk oleh zaman itu, maka wajar peribahasa tersebut dipelihara dan dipupuk untuk terus berfungsi malah dapat terus dipakai dalam masyarakat Melayu khususnya agar hidup segar serta menjadi bahan rujukan dalam kehidupan kita.

Selain itu, peribahasa digunakan setiap hari oleh semua khalayak, sama ada dalam pertuturan mahupun dalam bentuk penulisan. Sekaligus kita dapat mempertingkatkan penggunaannya dalam kalangan generasi pewaris bangsa, di samping meraih falsafah-falsafah yang tersirat di dalamnya.

Menurut Za'ba (1965:165) dalam *Dewan Bahasa* Jun 2001: peribahasa itu segala susunan cakap yang pendek yang melekat di mulut orang ramai sejak beberapa lama oleh sebab sedap dan bijak perkataannya, luas dan benar tujuannya, dipakai akan dia jadi sebutan-sebutan oleh orang sebagai bandingan, teladan dan pengajaran. Beliau membahagikan peribahasa kepada tiga fungsi iaitu sebagai alat menghiasi penulisan





karya dan percakapan seseorang individu, menguatkan tujuan karangan atau percakapan itu dan, akhir sekali peribahasa boleh menjadi pedoman hidup kerana isinya yang benar dan luas, sama ada secara tersurat atau tersirat.

Ismail Hamid (1987:238) pula mendefinisikan peribahasa sebagai satu susunan bahasa yang indah dan menarik dituturkan oleh orang ramai sejak beberapa lama. Oleh kerana susunan bahasanya cantik dan membawa pengertian bijaksana, maka susunan bahasa ini dipakai orang untuk menjadi teladan, bandingan dan pengajaran. Peribahasa juga merupakan kekayaan bahasa yang dimiliki oleh semua bahasa dan merupakan satu ungkapan yang di dalamnya tersirat makna yang cukup mendalam lagi persis untuk tujuan kelancaran komunikasi. Penggunaan peribahasa mempunyai objektif yang tersendiri, iaitu supaya orang yang mendengarnya tidak mudah rasa tersinggung dalam sesuatu komunikasi.

Mohd. Ali Abd.Hamid (1986:i) dalam bukunya *Kamus Peribahasa* menjelaskan bahawa peribahasa adalah cabang sastera lama yang masih kekal hingga ke hari ini. Peribahasa akan terus kekal kerana mempunyai keistimewaan tersendiri. Tidaklah diketahui bilakah peribahasa wujud dan mula digunakan dan tidak juga dapat dikesan siapa pencipta sebenarnya. Peribahasa lahir dan dicetuskan akibat kejadian, pengalaman dan pengamatan masyarakat sejak zaman berzaman.

Kemungkinan besar peribahasa telah digunakan sejak manusia mula mengenal perlunya salah satu disiplin hidup untuk menjaga kepentingan perhubungan sesama sendiri dan juga perhubungan dengan negara luar. Mereka menggunakannya sebagai kiasan atau sindiran akibat daripada kejadian, kelakuan tingkah-laku sama ada





disedari atau pun tidak. Keindahan peribahasa memang tidak boleh disangkal lagi kerana terdapat juga peribahasa sesuatu kaum yang mempunyai persamaan maksud dengan sesuatu peribahasa kaum lain. Beliau juga mengakui kelebihan dan kepintaran masyarakat dahulu memperkaya peribahasa kita yang tak lapuk dek hujan dan tak lekang dek panas. Peribahasa yang dituturkan dari mulut ke mulut dan daripada satu generasi ke generasi lain tidak lenyap begitu sahaja. Apatah lagi apabila huruf-huruf dan tulisan telah dikenali maka peribahasa-peribahasa pun dicatat dengan jumlah yang tidak terkira banyaknya.

A. Aziz Deraman (2001:vii) dalam ruangan prakata *Kamus Peribahasa*

Melayu-Mandarin, menjelaskan peribahasa misalnya sama tuanya dengan bahasa sesuatu bangsa dan peribahasa mula digunakan apabila sesuatu bangsa mulai mengenal peradaban, ketika kehidupan masyarakat mula diatur. Segala peristiwa kehidupan dijadikan iktibar dan renungan dan akhirnya disusun kata-kata yang dapat dijadikan pengajaran dan nasihat. Peribahasa sebagai warisan sesuatu bangsa harus diberi perhatian kerana peribahasa juga mencerminkan sistem tatabahasa sesuatu bahasa. Peribahasa disusun dengan struktur bahasa yang tersusun menepati suasana atau keadaan yang ingin digambarkan. Malah, maksud yang ingin disampaikan boleh menjadi pedoman hidup masyarakat.

Penulis *Kamus Peribahasa Melayu-Mandarin* (2001), Xu Younian amat tertarik dengan peribahasa Melayu kerana ia suatu bentuk sastera lisan rakyat yang begitu popular, ringkas, hidup, penuh rasa kemanusiaan, dan sarat dengan nilai-nilai falsafah walaupun kadang-kadang beliau bingung, kerana tidak dapat menangkap makna kiasan yang sebenarnya daripada peribahasa-peribahasa tersebut.





Zulkifilee Yazid (2000) dalam *Kamus Mega Peribahasa* mendefinisikan peribahasa sebagai falsafah Melayu yang dituangkan simbolik-simbolik tertentu, cukup unik dan ajaib untuk dipelajari sekaligus dibudayakan dalam kehidupan serba canggih ini. Jauh disebalik bait-bait kata tersirat pengertian yang mendalam untuk dipelajari bersama generasi pendahulu. Apa yang dilukiskan oleh peribahasa Melayu semuanya berada di sekeliling kita. Beliau turut menegaskan bahawa harta intelek ini perlu diketahui oleh semua masyarakat Malaysia yang berbilang kaum agar sama-sama memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara.

Kamus Peribahasa Bahasa Melayu susunan Mohd Ali Abdul Hamid (1986) turut mentakrifkan peribahasa sebagai ayat atau urutan kata yang mempunyai susunan yang tetap dan mengandungi makna yang tertentu. Aspek yang diutamakan dalam peribahasa ialah sifat sedap didengar dan tujuannya tetap. Selain itu peribahasa mengandungi iktibar dan pengajaran yang amat berguna kepada manusia kerana mengandungi isi yang amat luas, bernas, dan menunjukkan kebenaran.

Lim Kim Hui (1998) pula menjelaskan bahawa pada peringkat awal, peribahasa sekadar suatu ungkapan berbentuk lisan dan tidak terdapat usaha pengumpulan dan penerbitannya dalam bentuk buku yang dilakukan sehingga abad ke-18. Peribahasa ialah kelompok kata atau kalimat yang tetap susunannya dan sedap didengar. Namun begitu, dari segi struktur, dapat difahami bahawa peribahasa melalui ciri gabungan kata untuk menghasilkan pepatah, bidalan, perbilangan, perumpamaan dan simpulan bahasa.

Menurut Za'ba (1965), terhasilnya simpulan bahasa adalah berdasarkan empat perkara, yang pertama daripada perbandingan misalnya Abu Jahal, Mat Jenin, Lebai





Malang, Pak Pandir dan sebagainya. Kedua, simpulan bahasa berdasarkan benda atau keadaan yang berlaku dalam masyarakat sekeliling contohnya, mendabik dada, hati binatang, mendongak ke langit dan sebagainya. Ketiga, simpulan bahasa berdasarkan kepada kepercayaan orang ramai seperti harimau berantai, buruk siku dan keramat hidup. Keempat, simpulan bahasa berdasarkan kebiasaan atau resaman bahasa misalnya keras kepala, lancang mulut, langkah kanan, lurus bendul, panjang tangan dan sebagainya.

Za'ba turut menjelaskan bahawa peribahasa bermaksud segala susunan cakap yang pendek yang telah melekat di mulut orang sejak beberapa lama oleh sebab sedap dan bijak perkataannya, luas dan benar tujuannya dipakai akan dia jadi sebutan-sebutan oleh orang sebagai bandingan, teladan, dan pengajaran.

Abdullah Hassan dan Ainon Mohd (2001) turut menjelaskan peribahasa sebagai simpulan bahasa yang boleh menjadi perumpamaan apabila diberi perkataan-perkataan laksana, bak, umpama, macam, bagai, seolah-olah, ibarat dan seperti dihadapannya. Contohnya:

Lintah darat (simpulan bahasa)

Ibarat lintah darat (perumpamaan)

Simpulan bahasa juga boleh menjadi bidalan apabila didahulukan oleh perkataan jangan. Contohnya:

Bercermin di air keruh (simpulan bahasa)

Jangan bercermin di air keruh (bidalan)

Perumpamaan tergolong dalam peribahasa berlapis, iaitu mengandungi makna tersurat dan tersirat. Terdapat dua bentuk perumpamaan, iaitu yang menyatakan





perbandingan secara terang-terangan dan yang tidak menyatakan perbandingan secara terang-terangan. Perumpamaan yang menyatakan perbandingan secara terang-terangan didahului kata sendi nama dengan kata-kata perbandingan seperti, umpama, bagai, laksana, ibarat dan bak. Contoh perumpamaan yang disebut perbandingan:

Seperti rusa masuk kampung

Umpama telur sesangkak, pecah satu, pecah semua

Bagai aur dengan tebing

Ibarat pungguk rindukan bulan

Pepatah dan perbilangan pula, mempunyai struktur yang hampir sama dengan



bidalan melainkan perbilangan disusun berangkap-rangkap seperti ikatan puisi. Setiap rangkap pepatah terdiri daripada dua baris atau lebih dan disebut satu demi satu, biasanya berkait rapat dengan adat istiadat, undang-undang atau peraturan masyarakat.

Pepatah memiliki ciri-ciri puisi tradisional Melayu seperti:

Nak kaya berdikit-dikit, nak ramai bertabur urai

(jimat cermat ialah tangga kejayaan, murah hati ialah tangga tuah)

Pada sangka pohon beringin, kiranya bersandar di punggur lapuk,

(menyangka dapat kahwin dengan orang kaya, rupa-rupanya miskin).

Tak lekang dek panas, tak lapuk dek hujan.

(Sesuatu yang baik dan mulia akan kekal sepanjang masa)





Patah lidah alamat kalah, patah keris umpama mati.

(Apabila alat-alat kerja sudah rosak atau hilang, maka
kerja-kerja akan tergendala)

Bidalan ialah peribahasa yang berfungsi sebagai nasihat dan perumpamaan, mempunyai maksud dua lapis. Bagaimanapun bidalan tidak didahului oleh kata sendi nama seperti bagai, laksana dan umpama. Perbezaan antara bidalan dengan pepatah ialah bidalan lebih kerap digunakan, mempunyai nilai, ilmu dan pengajaran, sedangkan pepatah lebih ringkas sifatnya. Menurut Abdullah Hassan dan Ainon Mohd (2001) bidalan ialah pepatah atau peribahasa yang berfungsi sebagai nasihat. Contoh-

contoh bidalan :



Jika pandai menggunting, hendaklah pandai menjahitnya.

Kalau kail panjang sejengkal, lautan dalam jangan diduga

Sesat di hujung jalan, balik ke pangkal jalan.

Jangan bijak terpijak, biar bodoh bersuluh

Walau bagaimanapun generasi moden kini telah mengubahsuaikan peribahasa lama kepada bentuk baharu sama ada kita sedari atau tidak. Segala kias ibarat yang dilahirkan itu lebih tepat dan terbuka. Hal ini dapat kita perhatikan melalui percakapan, televisyen, radio, buku-buku umum, novel, cerpen dan akhbar. Ishak Ramli (1990) mengakui bahawa semakin matang daya fikiran manusia, maka semakin bertambah bilangan bahasa kiasan dan sindiran digunakan.

Bagi mencipta bahasa kiasan atau peribahasa bukan sahaja memerlukan bakat tetapi boleh berlatih seperti belajar kemahiran bahasa Melayu yang lain. Abdullah





Hassan dan Ainon Mohd (2001) menyatakan pada suatu masa dahulu, kemahiran mencipta bahasa kiasan dianggap bakat semula jadi yang dimiliki oleh para pengarang karya-karya sastera. Mereka semacam memiliki bakat istimewa yang diberi oleh Tuhan kepada golongan tertentu sahaja.

Pandangan ini telah berubah atas kesedaran bahawa bakat tersebut sebenarnya ialah sejenis kemahiran berbahasa. Penciptaan peribahasa merupakan suatu kemahiran yang unik namun begitu sesiapa sahaja boleh menguasainya dengan cara mempelajari teknik yang betul.



1.4 Permasalahan kajian

Pengkaji membuat kajian peribahasa dalam kalangan pelajar tingkatan 4 bukan Melayu di sekolah menengah yang majoriti pelajarannya berbangsa Cina (selepas ini dirujuk sebagai BC). Hal ini memberi gambaran bahawa mereka tinggal dan membesar dalam masyarakat Cina. Mereka belajar bersama-sama rakan sebangsa dari sekolah rendah hingga ke sekolah menengah dan mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

Berdasarkan pemerhatian di SMK Ayer Tawar , pengkaji mendapati bahawa pelajar BC kurang menggunakan bahasa Melayu dalam pertuturan seharian mereka sama ada secara formal atau tidak formal terutamanya semasa berbual-bual dengan rakan dan guru yang berbangsa Cina. Mereka hanya menggunakan bahasa Melayu untuk berinteraksi dengan guru khususnya sewaktu kelas Pendidikan Moral, Sivik,





Sejarah, Geografi, Prinsip Akaun, Pendidikan Seni dan Kemahiran hidup. Pelajar juga lebih selesa bertanya guru BC menggunakan bahasa ibunda mereka bagi setiap masalah pembelajaran yang mereka hadapi. Keadaan ini menunjukkan bahawa pelajar hanya menggunakan peribahasa ketika aktiviti memberi maksud, membina ayat atau semasa menulis karangan di dalam bilik darjah.

Selain permasalahan tersebut, sewaktu sesi pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu, pelajar BC turut menggunakan bahasa ibunda mereka ketika berinteraksi sesama rakan ataupun semasa perbincangan dalam kumpulan di bilik darjah. Mereka hanya akan menggunakan bahasa Melayu untuk bertanya soalan kepada guru yang mengajar subjek bahasa Melayu atau menjawab soalan sewaktu sesi perbincangan.



Hanya segelintir pelajar BC dapat memberi respon yang baik ketika sesi perbincangan manakala bagi mereka yang kurang mahir bertutur menggunakan bahasa Melayu lebih suka diam daripada mengambil bahagian dalam aktiviti perbincangan yang dijalankan.

Semasa sesi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu terutama yang melibatkan buku teks, novel dan antologi, guru akan meminta pelajar menyenaraikan peribahasa yang terdapat dalam buku-buku tersebut serta meminta pelajar memberikan maksudnya. Pada peringkat awal, mereka hanya mencatat peribahasa tersebut dalam buku nota dan memohon bantuan guru atau merujuk buku-buku peribahasa rujukan untuk mendapatkan maksud. Mereka turut menghadapi masalah untuk mengaplikasikan peribahasa dalam latihan yang diberikan sama ada membina ayat, menulis karangan atau menggunakan peribahasa dalam aktiviti berbahasa seperti forum, ucapan, syarahan, bercerita dan sebagainya.





Keperluan peribahasa yang paling ketara ialah untuk menjawab soalan khusus yang mewakili 6 markah dalam kertas soalan Bahasa Melayu Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Kertas 2. Soalan ini dikemukakan dalam bahagian kemahiran bahasa: Soalan 3(e) melibatkan pelbagai jenis item soalan. Hal ini turut memberi kesan kepada pelajar BC sekiranya mereka tidak menguasai peribahasa Melayu. Pelajar juga digalakkan menggunakan peribahasa Melayu yang bersesuaian dengan tajuk semasa menulis karangan untuk menambah nilai estetika karangan tersebut agar tidak hambar malahan lebih matang pengolahannya.

Teknik pengajaran yang diterapkan oleh guru dalam penekanan aspek peribahasa juga amat kurang dilaksanakan di bilik darjah. Sewajarnya pelbagai kaedah dan teknik pengajaran yang lebih baik dan menarik perlu digunakan untuk mengajarkan peribahasa secara langsung atau tidak langsung agar pelajar BC lebih berminat untuk menguasainya. Tambahan pula peribahasa juga mempunyai maksud tersirat yang disampaikan dengan begitu berhemah akan memberi impak kepada pelajar untuk menggunakannya dalam kehidupan seharian.

1.5 Objektif kajian

Kajian ini dibuat bertujuan :

1. Mengenal pasti punca kelemahan pelajar Cina menyatakan peribahasa dan memahami maksud peribahasa Melayu.





2. Mengenal pasti sama ada teknik hafalan dan latih tubi dapat meningkatkan kemahiran penggunaan peribahasa Melayu dalam kalangan pelajar Cina.
3. Mengemukakan cadangan atau pendekatan yang sesuai untuk meningkatkan penguasaan peribahasa Melayu.

1.6 Soalan kajian



Kajian ini akan menjawab persoalan:

1. Apakah punca pelajar Cina tidak dapat menguasai kemahiran menggunakan peribahasa Melayu?
2. Mengapakah pelajar Cina perlu menguasai peribahasa Melayu?
3. Apakah teknik yang sesuai dan berkesan untuk membantu pelajar Cina menguasai peribahasa Melayu?

1.7 Kepentingan kajian

Pengkaji berpendapat kajian ini penting kepada para pelajar BC yang belajar di tingkatan 4B kerana penguasaan peribahasa mereka masih kurang. Mereka mula mempelajari peribahasa bermula di tingkatan satu atau kelas peralihan dan turut menganggap peribahasa amat sukar dikuasai kerana terdiri daripada simpulan bahasa,



perumpamaan, bidalan, kiasan dan pepatah. Tambahan pula, peribahasa ini merupakan warisan orang Melayu yang hidup dalam dunia yang penuh nilai merangkumi adat, adab dan kesantunan budi bahasa. Keadaan ini amat berbeza dengan masyarakat Cina yang lebih terbuka dalam soal pergaulan seharian. Peribahasa juga amat sesuai digunakan oleh semua bangsa di dunia kerana maksud bagi setiap peribahasa itu mengandungi nilai-nilai murni yang boleh difahami oleh semua penggunanya.

Hal ini membuktikan bahawa kajian ini mempunyai kepentingan tersendiri terutama bagi meningkatkan penguasaan peribahasa dalam kalangan pelajar bukan Melayu agar mengaplikasikan peribahasa dalam bentuk tulisan mahupun lisan. Selain itu, mereka boleh mengaplikasikan penggunaan peribahasa dalam perbualan harian

antara rakan dan ahli keluarga walaupun mereka mempelajari bahasa Melayu sebagai

bahasa kedua secara formal. Keberhasilan pembelajaran bahasa kedua secara formal di dalam kelas bergantung kepada beberapa faktor. Antaranya termasuklah faktor instrinsik, sosiopolitik, linguistik dan pedagogi. Oleh kerana pemerolehan bahasa terutamanya bahasa kedua itu merupakan proses secara berulang-ulang maka untuk mengajarkan peribahasa kepada pelajar bukan Melayu turut menggunakan kaedah yang sama.

Falsafah yang terkandung dalam peribahasa bukan sahaja menggambarkan ketajaman akal dan ketelitian bahkan tersirat nilai-nilai murni yang boleh dijadikan panduan hidup selaras dengan kehendak Kementerian Pendidikan Malaysia. Pelajar BC yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua tidak akan terlalu taksab dengan bahasa ibunda mereka dan budaya sendiri, tetapi akan lebih bersikap terbuka dan bersedia mempelajari, memahami dan menguasai bahasa Melayu, termasuk aspek

budayanya. Hal ini dapat mewujudkan sikap toleransi dan perpaduan antara rakyat yang berbilang bangsa di negara kita.

1.8 Batasan kajian

Kajian ini melibatkan 43 orang pelajar BC yang belajar di tingkatan 4B aliran Sains pada tahun 2009 dan berada di tingkatan 5B aliran Sains pada tahun 2010. Pengkaji lebih menumpukan perhatian terhadap penguasaan peribahasa yang terkandung dalam buku teks, buku antologi dan novel bahasa Melayu tingkatan 4.

Kajian ini dijalankan berdasarkan kajian perpustakaan dan kaedah uji dan uji kembali. Menurut Mohd Majid Konting (1990:168) kaedah uji dan uji kembali merupakan kaedah bagi mendapatkan dua set markah dengan mentadbir alat ukur yang sama ke atas subjek yang sama sebanyak dua kali. Pengkaji menyediakan beberapa siri latihan kemahiran minda yang memfokus kepada peribahasa yang tersenarai dalam buku teks Bahasa Melayu tingkatan 4 dan antologi oleh Kementerian Pendidikan. Buku-buku ini diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Walaupun terdapat banyak peribahasa dalam pelbagai kamus peribahasa, tetapi pemilihan peribahasa daripada buku-buku teks tersebut adalah lebih munasabah kerana pelajar-pelajar akhirnya akan menduduki peperiksaan SPM pada tahun 2010.

Pengkaji juga menyediakan Latihan Kepintaran Minda 2, 3, 4 dan 5 yang mirip kepada item soalan-soalan kemahiran tatabahasa (3e) Bahasa Melayu SPM Kertas 2. Ujian Kepintaran Minda 6 pula terdiri daripada himpunan soalan SPM Bahasa

Melayu dari tahun 2004 hingga 2009 meliputi silibus yang dipelajari oleh para pelajar sepanjang tempoh mereka belajar di tingkatan empat pada tahun 2009 dan tingkatan lima pada tahun 2010. Sila rujuk lampiran.

1.9 Kesimpulan

Bab ini menjelaskan latar belakang kajian yang memfokus kepada pelajar BC yang perlu diberi perhatian terhadap penguasaan peribahasa mereka. Hal ini demikian kerana mereka mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua secara formal di sekolah.

Beberapa siri ujian berkaitan peribahasa disediakan oleh pengkaji untuk menilai sejauh manakah para pelajar ini dapat menguasai peribahasa meliputi kemahiran menyatakan peribahasa, memberi maksud peribahasa, membina ayat, dan bertutur dengan rakan-rakan mahupun guru dalam situasi formal atau tidak formal.

Pengkaji hanya memilih pelajar BC seramai 43 orang untuk memudahkan pengkaji memantau aktiviti pengajaran dan pembelajaran mereka. Hasil daripada kajian ini dapat membantu pengkaji mendapatkan data daripada ujian-ujian yang dijalankan. Tambahan pula mereka tinggal dalam komuniti yang berbangsa Cina dan hanya didedahkan dengan peribahasa Melayu di sekolah.

Pengkaji mengharapkan daripada kajian ini, pelajar-pelajar BC dapat mengetahui peribahasa Melayu, memberikan maksud dan mengaplikasikannya dalam aktiviti berbahasa secara lisan atau tulisan. Selain itu, pengkaji turut memberi kesedaran kepada mereka tentang kepentingan menguasai peribahasa Melayu yang disoal secara khusus dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia.